

Headline **Bengkel Usahawan Jahitan Manik**
Date **14. Jul 2008** Language **MALAY**
Media Title **Utusan Malaysia** Page No **16**
Section **Dlm Negeri** Article Size **86** cm2
Circulation **238082** Frequency **Daily**
Readership **833287** Color **Full Color**



Bengkel Usahawan Jahitan Manik

SEPANG 13 Julai – Kumpulan Utusan akan menganjurkan Bengkel Usahawan Jahitan Manik pada 26 dan 27 Julai ini dalam membantu melahirkan lebih ramai usahawan baru di negara ini.

Penolong Pengurus Jabatan Komunikasi Korporatnya, Yusnita Moslin berkata, bengkel tersebut adalah sebagai platform kepada semua rakyat Malaysia terutamanya pembaca *Utusan Malaysia* untuk menceburi bidang keusahawanan.

“Ia akan menjadi bengkel keempat yang akan dianjurkan selepas bengkel ternakan keli, kambing dan penanaman cendawan” katanya ketika ditemui selepas Bengkel Insentif Usahawan Ikan Keli Mega-Utusan di sini hari ini.

Bengkel tersebut turut mendapat kerjasama daripada Pusat Pengembangan, Keusahawanan dan Pemajuan Profesional (APEEC) Universiti Putra Malaysia (UPM), AgroBank dan Active Surge Sdn. Bhd. (ASSB).

Yusnita berkata, bengkel tersebut yang akan dijalankan dalam dua sesi itu akan melibatkan seramai 50 peserta untuk setiap sesi.

“Bengkel tersebut akan melibatkan banyak aktiviti berkaitan amali dan kami tidak mampu untuk menyelia jumlah peserta yang terlalu ramai,” katanya.

Beliau berkata, pihaknya akan terus mengadakan bengkel seperti itu pada masa depan dan berusaha untuk memenuhi setiap permohonan yang mahu menyertainya.

Tambahnya, promosi, iklan dan borang penyertaan Bengkel Usahawan Jahitan Manik akan disiarkan dalam suratkhbar *Utusan Malaysia* dalam tempoh terdekat.